



12 FEB, 2026

Sumbangan syarikat bumiputera kepada KDNK hanya 8.1 peratus

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Sumbangan syarikat bumiputera kepada KDNK hanya 8.1 peratus

KUALA LUMPUR – Sumbangan syarikat bumiputera kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masih berada pada tahap sederhana iaitu sekitar 8.1 peratus, meskipun golongan itu dilihat besar dari segi angka dengan jumlah populasi 21.8 juta, atau 63.6 peratus daripada penduduk Malaysia.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, hal ini menuntut tindakan yang lebih berani dan tersasar untuk memperkukuh penyertaan kumpulan itu dalam sektor bernilai tinggi, rantai nilai strategik dan industri berintensif teknologi.

Jelasnya, kerajaan sedang memperhebat inisiatif penskalaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta GEAR-uP bumiputera berdasarkan konsep perlumbaan relay yang tidak bergerak sendirian, tetapi disambut dan dipacu bersama ekosistem melalui kerjasama strategik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

"Hasilnya telah kita lihat, dalam tempoh setahun pelaksanaan PuTERA35 (Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035), dua syarikat Bumiputera iaitu SumiSaujana Group Berhad telah berjaya disenaraikan di Pasaran ACE dan Orkim Berhad disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia.



AKMAL NASRULLAH (tiga dari kanan) pada majlis Teraju Aspirasi Outreach 2026 di Kuala Lumpur semalam.

"Dari sudut kesejahteraan isi rumah, data menunjukkan kemajuan yang positif, dengan pendapatan purata bulanan isi rumah bumiputera meningkat daripada RM7,599 pada tahun 2022 kepada RM8,220 pada 2024.

"Kadar kemiskinan bumiputera juga menurun daripada 7.9 peratus pada 2022 kepada 6.6 peratus pada 2024. Kerajaan

terus beriltizam untuk menamatkan kemiskinan tegar bumiputera dengan sasaran sifar peratus pada tahun 2035 berbanding 0.1 peratus pada tahun 2024," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Teraju Aspirasi Outreach 2026 di sini semalam yang dihadiri lebih 500 pemain industri, institusi kewangan

serta rakan strategik ekosistem.

Program itu antara lain menampilkan sesi jaringan strategik bersama rakan ekosistem merangkumi pembiayaan, infrastruktur, kawal selia, bakat dan kemahiran, teknologi serta pemasaran bagi mengukuhkan kerjasama rentas sektor dan mempercepat akses pasaran serta pertumbuhan syarikat.